

Untuk Siaran Segera

14 JULAI 2026

KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG ISU KESELAMATAN PEMBINAAN LANDASAN ECRL BERDEKATAN TAMAN MUTIARA GOMBAK 2

Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) mengambil maklum laporan media berhubung kebimbangan yang dibangkitkan oleh penduduk Taman Mutiara Gombak 2 mengenai aspek keselamatan pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) berhampiran kawasan kediaman mereka.

MRL memandang serius setiap aduan dan kebimbangan yang dikemukakan oleh orang awam. Keselamatan sentiasa menjadi keutamaan dalam pelaksanaan projek ECRL.

Untuk makluman, perkara ini telah difailkan di mahkamah dan akan melalui proses perundangan yang sewajarnya. Sehubungan itu, MRL tidak akan mengulas mengenai perkara yang menjadi subjek prosiding tersebut bagi menghormati proses kehakiman.

MRL akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada mahkamah serta semua pihak berkuasa yang berkaitan. Kerja pembinaan ECRL diteruskan selaras dengan kelulusan, spesifikasi teknikal, keperluan kawal selia dan piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

MRL kekal komited untuk menyiapkan projek ECRL mengikut jadual yang ditetapkan dengan mengutamakan aspek keselamatan, kualiti dan kepentingan awam, agar projek strategik nasional ini dapat memberi manfaat kepada rakyat serta menyokong pembangunan ekonomi negara.

-Tamat-
